

08 MAY 1999

ARAHAN PERDANA MENTERI MENGENAI PERBELANJAAN DISAMBUT BAIK

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Persatuan Pemborong Binaan Malaysia (MBAM) menyambut baik arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada semua kementerian supaya menggunakan sebahagian besar belanjawan tahun ini menjelang akhir bulan depan.

Presidennya Lai Moo Chan berkata langkah itu akan membantu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang akan memberi manfaat kepada 148 bidang yang berkaitan dengan industri pembinaan.

"MBAM ingin menyeru agar kerajaan menentukan bahawa projek-projek agensinya diagih secara lebih meluas di kalangan sebanyak mungkin kontraktor," katanya dalam satu kenyataan.

Lai berkata bahawa arahan Perdana Menteri itu kena pada masanya kerana banyak kontraktor kini beroperasi sekadar 40 hingga 50 peratus daripada keupayaan mereka kerana kekurangan projek sektor swasta akibat berlebihan bangunan pejabat, kompleks perniagaan, hotel dan pusat percutian.

Beliau juga menyambut baik arahan Dr Mahathir supaya bayaran kepada kontraktor dibuat dengan cepat.

-- BERNAMA

MAM MAI